

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

# "Ancaman Komunis sentiasa ada... jangan peluk tubuh," kata Ghaz

BAHAN muka hadapan di 4 buah akhbar kebangsaan yang penulis baca pagi ini (Julai 15) ialah darihal Siddiq dan KGB. Dan tajuk-tajuk berita berkenaan adalah hampir-hampir sama bunyinya: "Siddiq diberkas sebelum sempat bermula" (NST), "Dr. Mahathir: UMNO tak dikesapi" (Berita Harian) "Ghazali: Siddiq tak berjaya" (Utusan Malaysia), dan "Siddiq belum berjaya dapatkan rahsia Kerajaan" (Utusan Melayu).

Dengan itu penulis timaklah kehairanan bila hanya menerima banyak panggilan telefon dari sahabat-sahabat merangkap pembaca yang mahu menyuarakan pandangan masing-masing terhadap "KGB-Siddiq Affair" itu. Apa yang paling menarik minat penulis ialah soalan dari seorang sahabat yang berbunyi: "Jika negara kita tidak mempunyai senjata sulit dan kilang-kilang bom atom mengapakah pula KGB sibuk melantik agennya di negara ini?" Penulis mengucapkan terima kasih kepada sahabat tersebut, kerana soalnya yang paling tepat itu. Jawapan penulis kepadanya adalah berbunyi begini (jawapan yang berdasarkan bukan kepada imaginasi tapi kepada apa yang penulis pernah baca mengenai agensi-agensis perisik Komunis di masa penulis muda-muda dahulu):

Matlamat atau objektif agensi perisik Russia adalah berlainan mengikut keadaan. Di Amerika

Syarikat, misalnya, KGB akan menumpukan minat dan perhatian terhadap maklumat mengenai senjata sulit yang terbaru yang mungkin diguna jika perang tercetus di antara Amerika Syarikat dan Russia. Tapi di negara-negara kecil, khususnya, yang terletak di "strategic position" dan yang kaya dengan hasil bumi, lain pula objektif mereka.

Di negara-negara bukan "super-power" penulis sebutkan tadi, kegiatan utama KGB bolehlah disamakan dengan "long term investment" iaitu pelaburan jangka panjang. Dan pelaburan ini adalah dirangka dengan mengikut panduan yang ditetapkan dalam "buku teks" mereka, iaitu buku teks mengenai subjek "subversion" di seberang laut. Kata buku teks tersebut, mereka hendaklah menumpukan konsentrasi terhadap bidang-bidang tertentu, di antaranya ialah "Badan Bella" dan "Badan Politik" — cara yang dikenali sebagai "subversion" melalui "Youth" dan "subversion" melalui "Politik".

Dengan memilih Siddiq sebagai agen mereka, KGB berharap membunuh 2 ekor burung dengan sebilu batu, memandangkan bahawa Siddiq mempunyai hubungan dengan Bella dan Politik. Kerana mengikut berita yang tersiar di New Straits Times, Julai 14, Siddiq pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Eksekutif kepada Malaysian Association Youth Clubs (MAYC) sehingga 1970. Dan selepas itu dia masih aktif dalam MAYC dan terpilih sebagai Timbalan Presiden MAYC sehingga ia meletak jawatan dalam tahun 1979. Dengan itu Siddiq bolehlah dianggap sebagai mempunyai pengaruh ke atas bella di negara ini. Dan dari segi kepentingan jangka panjang, bella adalah diberi keutamaan oleh KGB, kerana mengikut peribahasa yang kerap sangat kita terdengar, iaitu bella atau pemuda di hari ini adalah pemimpin di esok hari. Selaku

seorang muda (Siddiq berumur 43 tahun) yang berpengaruh di kalangan bella, hanya bolehlah diharapkan untuk "mencuci otak" bella di negara ini supaya menganggap Russia bukan sebagai musuh tapi sebagai sahabat.

Di bidang politik pula, jawatan yang dipegang oleh Siddiq sebelum hanya dibuang kerja beberapa hari yang lalu ialah Setiausaha Politik kepada Timbalan Perdana Menteri, Mengikuti berita yang penulis terbaca Siddiq bukanlah cuma memainkan peranan, seperti, umpamanya, mengatur kerusi dan meja bila "Boss" mahu melawat kawasan undi, ataupun selaku orang perantaraan di antara "Boss" dengan rakyat di kawasan undi. Sebaliknya, Siddiq, nampaknya, mempunyai cita-cita politik sendiri yang boleh dikatakan "tinggi," dalam konteks dia tidak berpuas hati dengan memegang jawatan Setiausaha Politik sampai mati...Ini adalah terbukti dari laporan di Berita Harian Julai, 14 yang mengatakan bahawa dalam tahun 1966, dia pernah menjadi Pengerusi tetap UMNO Kelantan Hilir dan kemudian Bendahari di Bahagian itu. Dalam Tahun 1972 pula bersama beberapa orang lagi dia mengasaskan UMNO Cawangan Ampang Jaya dan pernah dipilih sebagai Ketua Pemuda Cawangan.

Mengikuti New Straits Times Julai, 14 pula, semenjak 1971 Siddiq bercita-cita menjadi Ketua UMNO bahagian Sungai Petani. Tahun lalu, dia berjaya merebut jawatan sebagai Timbalan Ketua Bahagian tersebut. Dan dia adalah dikatakan paling murah hati (generous) dengan wang dan dengan itu di mesyuarat-mesyuarat jawatankuasa bil makanan dan minuman (food and drinks) adalah dibayar bukan oleh parti tapi oleh Siddiq sendiri. (Nampaknya, Siddiq adalah mempercayai peribahasa yang berbunyi: "Satu cara yang paling

Lihat muka 20

# SAMBUNGAN RENUNGAN

Dari muka 4

berkesan untuk menawan hati seseorang manusia ialah melalui perutnya...")

Dalam bahasa lain, Siddiq Ghouse bolehlah dianggap sebagai seorang pemimpin politik di peringkat bawahan, yang mempunyai potensi atau masa hadapan yang cerah. Oleh itu, tidaklah menghairankan jika KGB meramalkan bahawa pada satu hari nanti Siddiq boleh diharapkan untuk "memperjuangkan" kepentingan Russia di negara ini, setelah dia berjaya, misalnya, menjadi anggota Majlis Tertinggi UMNO dan menduduki kerusi M.P. di Dewan Rakyat...

Dan "who knows" — memandangkan kepada "personality" dan saiz badannya — Siddiq Ghouse mungkin dianggap oleh KGB sebagai calon yang paling sesuai untuk diasuh, dididik dan dilatih supaya berkelayakan pada satu hari nanti memainkan peranan "Berbarak Karmal of Malaysia?"

Penulis akhiri rencana ini dengan mengulangi apa yang diperkatakan oleh Tan Sri Ghazali Shafie, Menteri Halahwal Dalam Negeri, seperti tersiar di Utusan Melayu Julai, 15 iaitu "supaya orang ramai berhati-hati jika mereka didekati oleh orang-orang seperti agen-agen KGB yang telah diusir itu dan mereka hendaklah segera melaporkan kepada pihak yang berkuasa. Apa yang telah berlaku ke atas Siddiq hendaklah dijadikan satu pengajaran bahawa ancaman Komunis sentiasa ada dan tiada siapa yang harus berpeluk tubuh dan berpuas hati dengan k e a d a n

keselamatan negara."



**EKOR RUANGAN:**

Seorang pelajar British bernama Robin Hoggard tiba di Hongkong Jumaat lalu setelah diusir oleh pihak yang berkuasa negeri China, bukan kerana mengintip tapi akibat mencatatkan "joke" politik di papan hitam.

Apa yang dicatitkan oleh Robin sebagai "joke" itu ialah "Long Live the Gang of Four", (Lanjutkan Usia Kumpulan Empat) di atas papan hitam di bilik rehat di Universiti Fudan, Shanghai. Penjelasan oleh Robin bahawa ia cuma berjenaka tidak dapat diterima oleh pihak yang berkuasa, meskipun Robin berulang kali meminta maaf dan membuat pengakuan secara terbuka kepada pihak yang berkuasa bahawa "Kumpulan Empat itu sebenarnya adalah musuh rakyat China." Pihak yang berkuasa menolak sebenarnya adalah musuh rakyat China." Pihak yang berkuasa menolak pengakuan dan "apology" dari Robin itu dan mendeskribkan apa yang dilakukan oleh Robin sebagai perbuatan "unfriendly" (yakni, bertentangan dengan semangat persahabatan) terhadap rakyat negeri China. (Malay Mail Julai 11, 1981 dan South China Morning Post Julai 14, 1981).



**CATITKAN KHAS:**

Itulah di antara sebabnya mengapa penulis paling takut diperintah oleh Komunis — mereka tidak mempunyai "sense of humour" —

